



PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE
(UNDER SECTION 7 OF THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010)

1. Introduction

We are committed to protect your rights under the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”).

This Personal Data Protection Notice (“Notice”) applies to Bank Muamalat Malaysia Berhad (which includes all its subsidiaries and related corporations (collectively referred to as “BMMB”)).

Please read this Notice carefully before providing any personal data to us. By providing us with personal data or by continuing to use our products or services, you are indicating to us that you accept these terms and conditions. Before submitting personal data of other persons, for example, your guarantor, employer, employee, director or dependent, please obtain the requisite consent from them and extend a copy of this Notice to these individuals.

2. What personal data do we collect from you?

The personal data we collect include and may not be limited to:

- **Your identification details** such as name, age, identification (NRIC) or passport number, photograph or CCTV recording.
- **Your contact details** such as address (residential, office or billing), email or telephone number.
- **Your employment details** such as your employment history, designation or income range.
- **Information on financial standing and creditworthiness** such as your assets, income and debt.
- **Personal data of other individuals** including that of your directors, shareholders, employees, guarantors, spouse or dependents.
- **Other personal data** which may be required for us to process your transaction with us, when you use our facilities or visit our premises.

We will clearly indicate to you when the personal data requested is mandatory. If you choose not to provide us with any required mandatory personal data or withdraw your consent for us to process the same, we will be entitled to cease provision of the relevant products or services without us incurring any liability to you (notwithstanding any agreement between you and BMMB).

3. Why do we collect your personal data?

Your personal data may be used, amongst others, for the following purposes:

- To process any transaction, enquiry or any other communication from you to us.
- To evaluate any appointment, reappointment or engagement of members of any committee within BMMB.
- To verify your creditworthiness and background.
- To conduct survey to improve our products/services and to develop new products/services.
- To investigate or report any suspected crime or fraud.
- To comply with any requirement of law, order of any court or tribunal or any direction from the Government or any statutory authority.

- For any internal reporting or risk analysis purposes, for example risk analysis for oversight function and reporting to the management and board.
- To enforce our legal or contractual rights, including to recover any debt owing by you to us.
- To provide you with information on marketing campaigns that we or our business partners believe would be of interest to you.

4. How do we collect your personal data?

Directly from you

Your personal data may be collected when you:

- Transact with us for any products, services or under any agreement.
- Use our facilities or visit our premises.
- Communicate with us by telephone, email, correspondence, facsimile or in person.
- Participate in our customer surveys, contests or promotions.
- Access our website (for example, through the use of "cookies").

From third parties

Third parties from whom we may collect your personal data include:

- Sources in the financial services industry, for example, any bureaus or agencies under Bank Negara Malaysia, Securities Commission or other regulatory authorities, the Association of Islamic Banks Malaysia, any registered credit reporting agencies or other financial institutions.
- Third party service providers, for example, private employment, debt collection agencies or entities providing credit or background verification services.
- When we transact or contract with a corporate entity, that corporate entity may provide your personal data in connection with the transaction or agreement, for example, you may be a director, shareholder or employee of that corporate entity.

5. Who does BMMB disclose your personal data to?

We may in certain circumstances share your personal data with third parties (in or outside Malaysia).

For example:

- If our products or services are provided in collaboration with certain third parties, we may need to disclose your personal data to them. These third parties may include other financial institutions, service providers or electronic fund transfer facilitators.
- Third parties in the ordinary course of our business, for example, third party financial institutions, insurers/takaful operators, credit card companies, securities and investment services providers, trustees, custodians, industry/financial related associations.
- Third parties to whom we are obligated to make disclosure under the requirements of any law, by order of court or any tribunal or as required by the Government or any statutory authority, for example, Bank Negara Malaysia, Securities Commission and Bursa Malaysia. This may also include third parties entities appointed by such statutory authorities.
- Third parties who have been engaged by us to perform our business functions or to enforce our legal or contractual rights, for example, any agent, contractor, vendor, service providers, consultants, professionals, auctioneers or valuers.
- Third parties in connection with the restructuring of any facility granted to you, sale of debts or assets or acquisitions by us.
- Companies within BMMB, DRB HICOM Berhad or its related group of companies.
- Third parties carefully selected to provide you with information about products and services that may be of interest to you.

We will not share your personal data with third parties to send you marketing information, unless you have given us your consent. Third party marketing information may include new product launches, promotions, rebates, discounts, contests or reward programmes.

6. Where does BMMB store and process your personal data?

We generally store and process your personal data in Malaysia. If there is a need for us to process your personal data outside Malaysia, we will protect your personal data using standards similar to that used in Malaysia.

7. How long does BMMB keep your personal data?

We will keep your personal data for as long as it is reasonably required:

- To provide you with our products and services or for the performance of an agreement with you.
- To provide you with information about our products and services or that of our third party business partners.
- To respond to any complaints, disputes, investigations or any legal proceedings, whether actual or reasonably anticipated to arise.
- To comply with any requirements of law or any directions issued by the Government or any statutory authority.

8. What are your rights and choices?

You may request for details of all personal data we hold about you, correct or update your personal data by submitting a duly completed Personal Data Access Request Form or Personal Data Correction Form to or by contacting our Customer Service Department.

The Personal Data Access Request Form and the Personal Data Correction Request Form can be obtained by contacting our Customer Service Department or from any of our branches. We may request for certain information to verify your identity and charge a reasonable administrative fee (only for Personal Data Access Request) to process your application (which fee may be revised from time to time).

We will endeavor to comply with your personal data access request or personal data correction request within 21 days from the date we receive your request complete with all necessary particulars and the prescribed processing fee above (only for personal data access request) or such other prescribed time period under the PDPA. Please note that the right to access or correct your personal data is not absolute but subject to the PDPA.

When there is a change to your personal data, it is your obligation to inform us of such change.

You may limit or withdraw your consent for us to process your personal data by sending a notice in writing to our Customer Service Department.

9. Enquiries

You may contact our Customer Service Department at the contact details below for any enquiries or complaints regarding your personal data or to exercise any options provided to you under this Notice:

**Head, Customer Service Department,
Bank Muamalat Malaysia Berhad,
19th Floor, Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-8787 (Local), +603-26005500 (International)
Email: feedback@muamalat.com.my**

This Notice may be revised from time to time. If there is any revision to this Notice, it will be posted on our website, at our branches or communicated to you by other suitable means.

This Notice was last updated on: 25 June 2014



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

(DI BAWAH SEKSYEN 7 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010)

1. Pengenalan

Kami memberikan komitmen untuk melindungi hak-hak anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”).

Notis Perlindungan Data Peribadi ini (“Notis”) diterima pakai untuk Bank Muamalat Malaysia Berhad (termasuk kesemua anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutunya (secara keseluruhannya dirujuk sebagai “BMMB”).

Sila baca Notis ini dengan teliti sebelum mengemukakan sebarang data peribadi anda kepada kami. Dengan mengemukakan data peribadi atau dengan menggunakan produk atau perkhidmatan- kami secara berterusan, anda memaklumkan kepada kami bahawa anda setuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ini. Sebelum mengemukakan sebarang data peribadi berkenaan dengan individu lain, sebagai contoh, penjamin, majikan, pekerja, pengarah atau tanggungan anda, sila dapatkan persetujuan mereka dengan sewajarnya dan menyampaikan salinan Notis ini kepada individu-individu tersebut.

2. Apakah jenis data peribadi yang kami kumpul daripada anda?

Data peribadi yang kami kumpul termasuk dan mungkin tidak terhad kepada:

- **Butir-butir pengenalan diri anda** seperti nama, umur, nombor kad pengenalan (NRIC) atau pasport, gambar atau rakaman CCTV.
- **Butir-butir hubungan anda** seperti alamat (rumah, pejabat atau untuk penghantaran bil), emel atau nombor telefon.
- **Butir-butir penggajian anda** seperti sejarah penggajian anda, jawatan atau julat/huraian pendapatan.
- **Maklumat mengenai status kewangan dan kelayakan kredit anda** seperti harta-benda, pendapatan dan hutang anda.
- **Data peribadi individu yang lain** termasuk data kepunyaan pengarah, pemegang saham, pekerja, penjamin, suami/isteri atau tanggungan anda.
- **Data peribadi yang lain** yang mungkin dikehendaki oleh kami untuk memproses transaksi anda dengan kami, atau apabila anda menggunakan kemudahan-kemudahan kami atau melawat premis-premis kami.

Kami dengan telitinya akan menunjukkan kepada anda sekiranya data peribadi yang dikehendaki adalah wajib. Sekiranya anda tidak bersetuju mengemukakan kepada kami sebarang data peribadi wajib yang dikehendaki atau menarik balik keizinan yang telah diberikan kepada kami untuk memproses data peribadi tersebut, kami berhak untuk menghentikan pemberian produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang relevan tanpa sebarang liabiliti oleh kami kepada anda (walau apa pun perjanjian antara anda dengan BMMB).

3. Mengapa kami mengumpul data peribadi anda?

Data peribadi anda boleh digunakan, antara lainnya, adalah untuk tujuan-tujuan yang berikut:

- Untuk memproses sebarang transaksi, pertanyaan atau sebarang komunikasi yang lain daripada anda kepada kami.
- Untuk mempertimbangkan sebarang peralihan, peralihan semula atau pemilihan ahli atau pengerusi dalam sebarang jawatankuasa dalam BMMB.
- Untuk mengesahkan kelayakan kredit dan latar belakang anda.
- Untuk melakukan tinjauan bagi menambah baik produk dan perkhidmatan kami serta untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang baru.
- Untuk menyalurkan atau melaporkan sebarang jenayah atau penipuan yang disyaki.
- Untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang, perintah mahkamah atau tribunal atau sebarang arahan dari Kerajaan atau pihak berkuasa berkanun.
- Untuk sebarang laporan dalaman atau untuk tujuan analisa risiko, sebagai contoh analisa risiko untuk kesilapan (oversight) dan laporan kepada pihak pengurusan dan lembaga pengarah.
- Untuk menguatkuasa hak undang-undang dan kontrak kami, termasuk untuk menuntut hutang yang sepatutnya dibayar oleh anda kepada kami.
- Untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai kempen-kempen pemasaran yang kami atau rakan kongsi perniagaan kami percaya akan menarik perhatian anda.

4. Bagaimana kami mengumpul data peribadi anda?

Secara terus daripada anda

Data peribadi anda akan dikumpul apabila anda:

- Berurusan dengan kami untuk sebarang produk, perkhidmatan atau di bawah sebarang perjanjian.
- Menggunakan kemudahan kami atau melawat premis kami.
- Berhubung dengan kami melalui telefon, emel, surat menyurat, faks atau secara peribadi.
- Mengambil bahagian dalam tinjauan pelanggan, pertandingan atau promosi kami.
- Melayari laman web kami (sebagai contoh, melalui penggunaan "cookies").

Dari pihak ketiga

Kami mungkin mengumpul data peribadi anda dari pihak ketiga yang termasuk:

- Sumber-sumber dalam industri perkhidmatan kewangan, sebagai contoh, biro atau agensi di bawah kawalan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau pihak berkuasa berkanun yang lain, Persatuan Bank-Bank Malaysia, agensi laporan kredit berdaftar atau institusi-institusi kewangan yang lain.
- Pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang lain, sebagai contoh, agensi pekerjaan swasta, agensi pengutip hutang atau entiti yang memberi perkhidmatan pengesahan kredit atau latar belakang kredit anda.
- Apabila kami mengurus niaga atau membuat perjanjian dengan sesebuah entiti korporat, entiti korporat tersebut mungkin akan memberi data peribadi anda berkaitan dengan urusan niaga atau perjanjian tersebut, sebagai contoh, anda mungkin seorang pengarah, pemegang saham atau pekerja entiti korporat tersebut.

5. Kepada siapa BMMB menzahirkan data peribadi anda?

Kami mungkin dalam keadaan yang tertentu akan berkongsi data peribadi anda kepada pihak ketiga (dalam atau di luar Malaysia). Sebagai contoh:

- Sekiranya produk atau perkhidmatan kami diberikan melalui usaha sama dengan pihak ketiga yang tertentu, kami mungkin perlu menzahirkan data peribadi anda kepada mereka. Pihak ketiga ini mungkin termasuk institusi kewangan yang lain, pembekal perkhidmatan atau pihak yang mengendalikan pemindahan dana elektronik.
- Pihak ketiga dalam urusan perniagaan kami yang biasa, sebagai contoh, institusi kewangan pihak ketiga, ahli-ahli insuran/takaful, syarikat kad kredit, pihak yang memberi perkhidmatan sekuriti atau pelaburan, pemegang amanah, penjaga hak, persatuan industri/kewangan.
- Pihak ketiga yang mana kami mempunyai kewajipan untuk membuat penzahiran di bawah sebarang peruntukan undang-undang, perintah mahkamah atau tribunal atau seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun, sebagai contoh, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Ini juga termasuk entiti pihak ketiga yang dilantik oleh pihak-pihak berkuasa berkanun tersebut atau agensi-agensi Kerajaan.
- Pihak ketiga yang telah dilantik oleh kami untuk melaksanakan fungsi perniagaan kami atau untuk menguatkuasa hak undang-undang atau kontrak kami, sebagai contoh, sebarang agen, kontraktor, vendor, pembekal perkhidmatan, para perunding, para profesional, pelelong atau penilai.
- Pihak ketiga yang berkaitan dengan penyusunan semula sebarang kemudahan yang diberikan kepada anda, penjualan hutang atau aset atau pengambilalihan oleh kami.
- Syarikat-syarikat dalam BMMB, DRB HICOM Berhad atau yang berkaitan dengan kumpulan syarikat-syarikatnya.
- Pihak ketiga yang telah dipilih secara teliti untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik perhatian anda.

Kami tidak akan berkongsi data peribadi anda dengan pihak ketiga untuk menghantar maklumat pemasaran, kecuali sekiranya anda telah memberi kepada kami keizinan anda. Maklumat pemasaran pihak ketiga mungkin termasuk pengeluaran produk baru, promosi, diskaun, pengurangan, pertandingan atau program penghargaannya.

6. Di mana BMMB simpan dan proses data peribadi anda?

Kami secara amnya menyimpan dan memproses data peribadi anda di Malaysia. Sekiranya wujud keadaan di mana kami perlu memproses data peribadi anda di luar Malaysia, kami akan melindungi data peribadi anda dengan menggunakan piawaian yang sama yang mana kami guna di Malaysia.

7. Berapa lama BMMB menyimpan data peribadi anda?

Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh masa yang berpatutan untuk:

- Menawarkan kepada anda produk dan perkhidmatan atau untuk melaksanakan sebarang perjanjian dengan anda.
- Untuk memberi kepada anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kami atau rakan rongseng perniagaan kami (sekiranya anda telah memberikan keizinan anda kepada kami).
- Untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan, pertikaian, siasatan atau tindakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau yang mungkin akan timbul.
- Untuk mematuhi sebarang peruntukan undang-undang atau arahan yang diberikan oleh Kerajaan atau sebarang pihak berkuasa berkanun.

8. Apakah hak-hak dan pilihan anda?

Anda boleh meminta data maklumat peribadi anda yang disimpan oleh kami untuk membuat pembetulan atau mengemas kini data peribadi anda dengan menghantar Borang Permohonan Akses

Data Peribadi atau Borang Permohonan Pembetulan Data Peribadi yang lengkap kepada atau dengan menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan kami.

Borang Permohonan Akses Data Peribadi atau Borang Permohonan Pembetulan Data Peribadi boleh didapati dengan menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan atau dari mana-mana cawangan kami. Kami mungkin akan meminta maklumat anda yang tertentu untuk mengesahkan identiti anda dan mengenakan fi/yuran pemprosesan yang munasabah (untuk Permohonan Akses Data Peribadi sahaja) untuk memproses permohonan anda (fi/yuran yang mana boleh disemak semula dari masa ke semasa).

Kami akan berusaha untuk memenuhi permohonan akses data peribadi atau permohonan pembetulan data peribadi anda dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh kami menerima permohonan anda yang lengkap dengan semua butir-butir yang dikehendaki dan fi/yuran yang diperuntukkan (hanya untuk permohonan akses data peribadi) atau tempoh masa yang lain yang diperuntukkan di bawah PDPA. Adalah dimaklumkan bahawa hak untuk akses atau membetulkan data peribadi anda tidak mutlak dan tertakluk kepada PDPA.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada data peribadi anda, ianya adalah obligasi/tanggungjawab anda untuk memaklumkan perubahan tersebut kepada kami.

Anda boleh menghadkan atau menarik balik keizinan anda kepada kami untuk memproses data peribadi anda dengan menghantar notis bertulis kepada Bahagian Khidmat Pelanggan kami.

9. Pertanyaan

Anda boleh menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan kami melalui butir-butir yang berikut untuk sebarang pertanyaan atau aduan mengenai data peribadi atau untuk melaksanakan sebarang pilihan untuk diberikan kepada anda di bawah Notis ini:

**Ketua, Bahagian Khidmat Pelanggan,
Bank Muamalat Malaysia Berhad,
Tingkat 19, Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-8787 (Tempatan), +603-26005500 (Antarabangsa)
Emel: feedback@muamalat.com.my**

Notis ini boleh disemak semula dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang penyemakan kepada Notis ini, ianya akan diterbitkan pada laman web kami, cawangan kami atau dimaklumkan kepada anda melalui cara lain yang bersesuaian.

Notis ini telah dikemas kini pada: 25 Jun 2014